



TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN BINTANG INDEKS SSR
AGENSI SEKTOR AWAM TAHUN 2015-2016**

DAN

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PROGRAM "TAKE A
BREAK...READ!@PUTRAJAYA 2016: A BOOK ALIVE**

**4 APRIL 2016 (ISNIN)
4.45 PM
DEWAN TAKLIMAT, ARAS 1
BANGUNAN PERDANA PUTRA,
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

YBhg. Datuk Seri Othman Bin Hj Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM

Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Pengarah MAMPU
Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berbahagia Setiausaha-setiausaha Kerajaan Persekutuan

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan iradat dan inayah-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks SSR Agensi Sektor Awam Tahun 2015-2016 anjuran MAMPU dan Majlis Pelancaran Program "Take A Break...Read!@Putrajaya 2016: A Book Alive", anjuran Pejabat Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri .

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN BINTANG INDEKS SSR AGENSI SEKTOR AWAM TAHUN 2015-2016

Hadirin yang dihormati sekalian, izinkan saya untuk memulakan ucapan saya dengan Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks SSR.

2. Penilaian Indeks SSR tahun 2015 telah memperkenalkan dua komponen baharu iaitu Bidang Fokus Transformasi dan Bidang Fokus Inovasi sebagai **tambahan kepada dua bidang fokus** yang dinilai sebelum ini iaitu **Bidang Fokus Pematuhan dan Kualiti**. Saya amat optimis bahawa semua ketua agensi sektor awam berkeupayaan tinggi dalam mengemudi kementerian / jabatan masing-masing untuk menghadapi **penilaian mengikut model baharu** yang dibangunkan oleh pihak MAMPU dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Audit Negara, Arkib Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Multimedia Development Corporation.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekalung **tahniah dan syabas kepada 42 agensi yang berjaya memperoleh penarafan 5 Bintang** dalam Penilaian Indeks SSR pada tahun 2015 iaitu 15 Kementerian, 10 Agensi Pusat dan Jabatan Utama (di bawah Ketua Perkhidmatan), 8 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 6 Agensi Barisan Hadapan dan 3 Agensi KPI Strategik Tier 1. Bagi agensi yang masih belum memperoleh penarafan yang cemerlang, saya berharap kejayaan tersebut dapat diperolehi pada tahun penilaian 2017 kelak setelah kementerian / jabatan berkenaan memantapkan lagi pelaksanaan perkhidmatan teras masing-masing dengan pendekatan lebih kreatif dan inovatif dalam memenuhi kehendak kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

4. Bagi memastikan Penilaian Indeks SSR yang lebih menyeluruh dan sampai ke akar umbi Sektor Awam, adalah sangat penting bagi setiap Ketua Setiausaha kementerian dan Ketua Jabatan yang mendapat 5 Bintang dalam penilaian kali ini, **memulakan pengauditan sendiri** dalam melaksanakan Indeks SSR melalui **Indeks SSR Do-It-Yourself (SSR-DIY)** terhadap jabatan dan agensi di bawah seliaan masing-masing. Cadangan pendekatan baharu ini akan disusuli dengan satu panduan pelaksanaan Indeks SSR DIY oleh MAMPU.

**PROGRAM "TAKE A BREAK...READ!@PUTRAJAYA 2016:
A BOOK ALIVE**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Menyentuh mengenai Program "Take A Break...Read!@Putrajaya 2016; A Book Alive merupakan **kesinambungan program** yang telah dijayakan pada tahun 2014. Pada tahun ini, program ini menggalakan orang ramai khususnya warga penjawat awam untuk **menyumbangkan bahan-bahan bacaan** mereka agar ia dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

6. Saya difahamkan "A Book Alive' membawa maksud ilmu pengetahuan daripada sesebuah buku tidak terhad kepada seseorang individu sahaja malah perlu **dikongsi bersama** dengan individu-individu yang lain.

7. Program ini juga adalah sejajar dengan penerapan budaya "**Search and Serve**" di mana dengan adanya program seumpama ini para penjawat awam dapat berpeluang untuk **menyumbangkan bahan-bahan bacaan kepada golongan yang memerlukan**. Sesungguhnya warga perkhidmatan awam bukan sahaja perlu memperkasakan budaya membaca malah **menitikberatkan amalan perkongsian ilmu** di antara satu sama lain.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya difahamkan, program ini akan mula dijalankan selama 7 minggu iaitu bermula **4 April 2016 sehingga 27 Mei 2016**. Beberapa lokasi bagi menempatkan '**Collections Boxes**' bagi meletakkan bahan-bahan bacaan yang ingin disumbangkan juga telah dikenal pasti di beberapa lokasi yang strategik dan ini merangkumi keseluruhan kawasan Putrajaya di Kompleks A, B, C, D, E, dan 'Core Island' iaitu Kementerian-kementerian di PERSIARAN PERDANA, Presint 2 - 4.

9. Seramai 100 orang pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat (Sarjana Muda Pengurusan Perpustakaan) UiTM Puncak Perdana, pensyarah dan pustakawan di bawah Jabatan Perdana Menteri juga akan turut serta dalam proses pemilihan dan pengelasan bahan bacaan yang didermakan. Seterusnya bahan-bahan bacaan yang telah dikelaskan akan dihantar dan diserahkan kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti seperti di **rumah-rumah anak yatim, penempatan orang asli, balai raya** dan sebagainya

10. Saya juga telah dimaklumkan sebanyak **15 ribu bahan bacaan telah disasarkan** bagi program kali ini. Oleh yang demikian, saya ingin **menyeru semua kementerian dan agensi dibawahnya agar dapat memberi kerjasama untuk menyumbangkan sekurang-sekurangnya 1,000 bahan bacaan** yang terpakai seperti buku, majalah, journal, ensiklopedia dan sebagainya agar dapat menjayakan program ini. Saya juga berharap program ini dapat juga **dijayakan** oleh **warga penduduk Putrajaya** malah tidak ketinggalan kerjasama oleh **pihak-pihak media** dalam membuat **hebahan** mengenai program ini.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah Indeks SSR 5 Bintang berdasarkan penilaian yang dilaksanakan pada tahun 2015. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memohon warga penjawat awam khususnya untuk menjayakan program "Take A Break...Read!@Putrajaya 2016: A Book Alive agar wahana intelektual bangsa dapat dilestarikan melalui perkongsian ilmu yang berterusan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

